



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA USTAZ IBRISAM  
PEGAWAI PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG KELANTAN**

**OLEH:**

**MUHAMAD HAKIM BIN AHMAD DZARAWI (2017275934)**

**MOHAMAD IQMAL USSAIQ BIN ISMAIL (2017275828)**

## **PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG**

---

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
CAWANGAN KELANTAN BAGI MEMUNUHI KEPERLUAN KURSUS IMR 604-  
PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN SEMESTER 05 (SEPT 2018 - .....)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA USTAZ IBRISAM  
PEGAWAI PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG KELANTAN**

**OLEH:**

**MUHAMAD HAKIM BIN AHMAD DZARAWI (2017275934)**

**MOHAMAD IQMAL USSAIQ BIN ISMAIL (2017275828)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
CAWANGAN KELANTAN BAGI MEMUNUHI KEPERLUAN KURSUS IMR 604-  
PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN SEMESTER 05 (SEPT 2018 - .....)**

**PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG**

---

**PENGHARGAAN**

# PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim....

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang dikurniakan kepada kami dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertama, kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah kami, Puan NuruAnnissa Binti Abdullah kerana dengan tunjuk ajarnya serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk kami menyiapkan tugas ini dengan suksesnya.

Kami juga ingin mengucap terima kasih tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang memberi kemudahan untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah memberikan kami segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai kami Berjaya menghabiskan tugas ini.

Upacara penghargaan ini juga kami tujukan kepada rakan rakan yang banyak memberi peringatan terhadap setiap apa yang kami telah alpa. Mereka membantu kami dengan menjawab segala pertanyaan kami utarakan kepada mereka.

Akhir madah, kami mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam pembikinan kerja kursus ini. Terima kasih.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

# ISI KANDUNGAN

# PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama seorang Tokoh iaitu Ustaz Mejar Ibrisam bin Jalaluddin iaitu Pegawai Pejabat Agama Islam Machang. Transkrip ini menyetuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman hidup beliau sepanjang beliau menjadi kerjaya Pegawai Pejabat Agama Islam dan juga tentang sejarah bangunan Pejabat Agama Islam. Transkrip ini juga menceritakan tentang kerjaya beliau ketika membina bangunan tersebut. Temuramah berdasarkan beberapa ciri iaitu soalan Orientasi, Spesifik dan General.*

**Kata Kunci:** *Tokoh, pengalaman hidup, bangunan, Berjaya.*

# PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

## BIODATA TOKOH



**Name:** Mejar Ibrisam bin Jalaluddin

**Age:** 50

**Date of Birth:** Bulan Januari 1969

**Place of Birth:** Kampung Kaabah Machang Kelantan

**State:** Kelantan

### **Education**

**Primary Education:** Sekolah Rendah Kebangsaan Kelaweh

**Secondary Education:** Sekolah Menengah Shamsul Ma'arif

**Higher Education:** Universiti Kebangsaan Malaysia

**PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG**

---

# **PENGENALAN**



# PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

## PENGENALAN

Transkrip temubual ini adalah bersama Ustaz Mejar Ibrisam bin Jalaluddin dimana beliau merupakan Pegawai Pejabat Agama Islam Machang dan temubual ini berlangsung di Pejabat Agama Islam Machang iaitu di Kampung Kolam Abu, Machang pada 31 Oktober 2018 dari jam 2.00 petang sehingga 4.34 petang.

Ustaz Mejar Ibrisam bin Jalaluddin lebih mesra di kenali oleh rakan rakan beliau dengan nama Ustaz Ibrisam dan dilahirkan di Kampung Kaabah Machang Kelantan pada 1969. Beliau merupakan anak kedua [2] daripada empat belas [14] orang adik beradik. berstatuskan sudah berkhawin dan telah mempunyai enam [6] orang anak iaitu tiga [3] perempuan dan tiga [2] orang lelaki hasil daripada perkahwinan bersama isteri beliau iaitu Rogayah Binti Mamat.

Transkrip temubual ini dijalankan selama satu jam 10 Minit dan temubual ini lebih menjurus kepada tentang sejarah bangunan Pejabat Agama Islam Machang Yang dahulunya digunakan sebagai pusat dakwah. Walaupun beliau telah menjangkau usia lima puluh [50] tahun, beliau masih aktif dan masih mampu untuk membuat kerja kerja di pejabat.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Kelaweh dan kemudian memasuki Sekolah Menengah Shamsul Ma'arif. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Pegawai Pejabat Agama Islam Machang, beliau juga aktif dalam .....

**PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG**

---

# **TRANSKRIP**

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

### TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang tentang sejarah bangunan Sekolah Ayer Merah di mana Mohammad Junus @ Lazim bin Haji Haron merupakan salah satu Guru di sekolah tersebut. Rakaman ini dijalankan di kediaman beliau iaitu di Kampung Kemuning Jalan Bukit Bakar, Machang pada 20 November 2018 dari jam 2.56 petang sehingga 5.34 petang. Temuramah ini dikendalikan oleh Nur Hidayah Bintu Ludin dan Wan Agia Arissa Binti Wan Mhd Junnid. Berikut adalah hasil rakaman.

#### PETUNJUK

UI : USTAZ IBRISAM  
MH : MUHAMAD HAKIM  
IU : IQMAL USSAIQ

#### BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

**MH** : Bismillahirohmanirrohim. Assalamualiakum WBT dan salam sejahtera.

Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang Pejabat

Agama Islam Machang. Bersama – sama kami ialah Ustaz Mejar Mohd

Ibrisam Bin Jalaluddin yang merupakan seorang pegawai di Pejabat

Agama Islam Machang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 31 Oktober

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

2018 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 2.00 petang bertempat di Pejabat Agama Islam Machang. Temubual selama 2 jam ini dikendalikan oleh Muhamad Hakim Bin Ahmad Dzarawi dan juga Mohamad Iqmal Ussaiq Bin Ismail. Dengan segala hormatnya, temubual dimulakan.

**MH** : Okay ustaz, boleh saya tahu nama penuh ustaz?

**UI** : Nama penuh Mohd Ibrisam bin Jalaluddin

**MH** : Tuan ada nama gelaran ke?

**UI** : Dia *kah* [kalau] asalnya kita Qadi lah, Al Fadhil Tuan Qadi, sekarang ini dia *ubah* [berubah] kepada Pegawai Agama Jajahan dan *dale* [dalam] mesyuarat terbaru dalam *bule* [bulan] enam [6] baru ini akan *balik semula* [kembali semula] kepada panggilan asal lah, Qadi *balik* [kembali kepada yang asal].

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Pada bulan dan tahun berapakah Tuan dilahirkan?

**UI** : Bulan Januari 1969

**MH** : Tuan dilahirkan dimana?

**UI** : Di Machang, Kampung Kaabah, Machang Kelantan

**MH** : Dimanakah Tuan dibesarkan?

**UI** : Daripada umur *satu* [1] ke selepas lahir sebab masa itu *ayah* [ayah] berkhidmat *dale* [dalam] tentera. Jadi, *besar* [dibesarkan] sehingga umur *enam* [6] tahun di Klang, Kem Majidid Kluang Johor. *Pahtu* [Selepas itu], masuk darjah *satu* [1] balik *Kelate* [Kelantan]

**MH** : Siapalah nama ibu Tuan?

**UI** : Rogayah Binti Mamat.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Siapakah nama ayah Tuan?

**UI** : Jalaluddin Bin Abu Bakar.

**MH** : Tuan anak keberapa daripada berapa orang adik beradik?

**UI** : Anak ke *dua* [2] daripada *empat belas* [14] adik beradik

**MH** : Adakah isteri Tuan bekerja?

**UI** : Ya, guru. Seorang guru

**MH** : Tuan ada berapa orang anak?

**UI** : *Enam* [6] orang anak, *tiga* [3] lelaki *tiga* [3] perempuan

**MH** : Adakah semua anak Tuan masih belajar?

**UI** : Masih belajar. *Dua* [2] di university, *dua* [2] di sekolah menengah, dan *dua* [2] di sekolah rendah

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Anak sulung Tuan berapa tahun?

**UI** : *Dua puluh satu* [21] tahun

**MH** : Apakah harapan Tuan kepada anak – anak Tuan untuk masa akan datang?

**UI** : Belajar bersungguh dan menjadi manusia berguna kepada agama, bangsa dan  
negara

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

### BAHAGIAN 2 (SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH)

**MH** : Kalau boleh kami tahu, Tuan bersekolah rendah dimana?

**UI** : Sekolah Kebangsaan Kelaweh

**MH** : Pada tahun berapa sampai tahun berapa?

**UI** : 1976 - 1981

**MH** : Tuan bersekolah menengah dimana?

**UI** : Sekolah Menengah Shamsul Ma'arif, Pulau Chondong

**MH** : Habis persekolahan menengah pada tahun berapa?

**UI** : Pulau Chondong daripada 82 [1982] hingga 87 [1987], *lepas* [selepas itu] 88

[1988], 89 [1989] di Maahad, Maahad Muhammadi di Kota Bharu. Muhammadi itu

*enam* [6] bawah di Pasir Pekan, *enam* [6] atas di Maahad Jalan Pengkalan Chepa.

Habis peskolahan tahun 1989, 1990 itu sambung belajar di universiti.



## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Tuan Pernah pegang apa – apa jawatan ketika sekolah dahulu?

**UI** : Sekolah menengah jawatan tertinggi ketua pengawas.

**MH** : Apakah pencapaian tertinggi yang pernah Tuan dapat masa sekolah?

**UI** : *Takdop rasonyo* [tiada rasanya]

**MH** : Tuan aktif dalam bidang kokurikulum?

**UI** : Di sekolah agama ini pada masa itu bidang kokurikulum tidak ditekankan sangat, jadi kita main bola pun petang – petang *gitu* [begitu] *jelah* [sahaja].

**MH** : Setelah Tuan habis persekolahan, adakah Tuan menyambung pengajian?

**UI** : Ya di UKM 89 [1989] – 90 [1990] dan grad tahun 1994, *lepastu* [selepas itu] terus menyambung ijazah, menyambung diploma Pendidikan 1994, 95 [1995] sesi 95 [1995] 96 [1996] sambung Master juga di UKM

## **PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG**

---

**MH** : Apakah kenangan yang paling manis ketika Tuan masih belajar?

**UI** : Kenangan paling manis tidur dalam hujan ketika menjadi pegawai kadet.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

### BAHAGIAN 3 (SESI LATAR BELAKANG SEJARAH BANGUNAN)

**MH** : Alhamdulillah, kita sudah selesai sesi bahagian ke *dua* [2]. Kita akan teruskan kepada sesi maklumat bangunan. Boleh saya teruskan Tuan?

UI : Okay

**MH** : Apakah nama sebenar Bangunan Majlis Agama Islam?

UI : Pejabat Qadi, *dia* [merujuk nama pejabat] asal Mahkamah Qadi Jajahan Machang.

**MH** : Bilakah bangunan ini ditubuhkan

UI : *Tak* [tidak] pasti.

**MH** : Siakah pengasas pertama bangunan ini?

UI : Itu pun *tak* [tidak] pasti juga.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Siapakah yang memberi idea untuk penubuhan bangunan ini?

**UI** : *Dia* [ia]... Di jabatan kerajaan ini bila diputuskan biasanya dalam mesyuarat pembangunan Islam lah untuk bina bangunan baru dan sebagainya.

**MH** : Siapakah VIP yang menghadiri majlis perasmian bangunan ini?

**UI** : *Tak* [tidak] pasti

**MH** : Apakah objektif penubuhan bangunan ini?

**UI** : Objektif penubuhan sebagai pusat kegiatan agama dan juga sebagai pusat perbincangan kes – kes yang melibatkan orang Islam iaitu kes – kes Syariah.

**MH** : Apakah misi dan visi untuk dicapai?

**UI** : Melahirkan umat yang progresif berteraskan fakihan, amanat dengan dasar membangun bersama Islam.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Okay kita akan teruskan kepada soalan seterusnya Tuan. Apakah konsep yang

**dterapkan ke bangunan ini?**

**UI** : Biasa *takdop* [tiada] keunikan.

**MH** : Kawasan apakah ini ditubuhkan?

**UI** : Kawasan bandar, di tapak pejabat agama.

**MH** : Kenapa memilih kawasan tersebut bagi penubuhan bangunan ini?

**UI** : Tempat yang strategik, maknanya jabatan – jabatan pada masa itu bertumpu di bandar lama.

**MH** : Adakah pihak pengurusan mendapat bantuan kewangan dalam proses pembangunan bangunan ini?

**UI** : Kerajaan negeri dan persekutuaan.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Siapakah yang menghulurkan bantuan kewangan?

UI : Dua – dua lah, kerajaan negeri dan persekutuaan.

**MH** : Berapakah umur bangunan ini?

UI : *Tak* [tidak] pasti lah

**MH** : Adakah bangunan ini pernah diubah suai?

UI : *Dia* [merujuk kepada bangunan] asalnya bangunan itu kecil selepas itu ada penambahan

**MH** : Pada tahun bilakah bangunan ini diubahsuai?

UI : *Tak* [pasti] juga itu

**MH** : Apakah alasan diatas pengubahsuaian bangunan ini?

UI : Untuk kesedaran staf dan perbincaraan mahkamah.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Berapakah tingkat bangunan ini dibina?

UI : *satu* [1] tingkat

**MH** : Berapakah keluasan bangunan ini?

UI : JKR *ukur dah ni* [sudah siap ukur], *tidak* pasti lah

**MH** : Berapakah bilangan bilik di bangunan ini?

UI : *Satu* [1], *dua* [2], *tiga* [3], *empat* [4], *lima* [5], *enam* [6], *tujuh* [7], *lapan* [8] bilik.

**IU** : Okay ustaz, berapakah keistimewaan bangunan ini?

UI : *takdop* [tiada] sangat keistimewaan, *biaso – biaso jah* [biasa – biasa sahaja]

**IU** : Adakah terdapat sejarah disebalik penubuhan bangunan ini?

UI : Tak [*tidak*] pasti lah

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**IU : Apakah idea awal penubuhan bangunan ini?**

UI : Tak pasti

**IU : Adakah pusat dakwah sudah beroperasi atau tidak?**

UI : Tidak

**IU : Berapa lamakah pusat dakwah beroperasi?**

UI : Sebagaimana saya cerita tadi, atas nama pejabat asalnya mahkamah Qadi Jajahan

Machang di bawah mahkamah Qadi pada masa itu dimasa penubuhan dan awal tahun

2000, maksudnya di bawaah mahkamah Qadi 1998 ia telah dipecahkan kepada

mahkamah Syariah dan pejabat agama jajahan, maksudnya pada masa itu, ia digelar

seorang Qadi dan seorang Hakim, Hakim lebih kepada hal – hal dan perbicaraan

mahkamah Syariah manakala Qadi adalah lebih kepada urusan nikah kahwin dan bila

di Pejabat Agama selepas pada tahun 1998 dikenali sebagai Pejabat Agama Jajahan

dan Jabatan Kemajuan Islam, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan

bermaksud dibawah mahkamah 1 iaitu jabatan agama jajahan pada masa itu terdapat

seorang pegawai Qadi dan pegawai penguatkuasaan agama.



## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**IU : Apakah yang menerajui pusat dakwah?**

**UI :** Kalau di jabatan agama, pusat dakwah ada *dua* [2] bahagian iaitu Bahagian Dakwah dan *satu* [1] lagi Bahagian Halaqah. Bahagian Halaqah ni lebih kepada lantikan parti.

**IU : Adakah tuan pernah berkhidmat di Pusat Dakwah?**

**UI :** Pernah bertugas di bahagian dakwah di Pejabat Agama Jajahan Tanah Merah selama *lapan* [8] tahun.

**IU : Apakah jawatan Tuan semasa berkhidmat dipusat dakwah?**

**UI :** Pegawai dakwah jajahan

**IU : Berapa orangkah kakitangan yang bertugas di pusat dakwah?**

**UI :** Yang diisi adalah seroang sahaja bermakna tiada pengisian staf cumanya kita akan menggunakan staf di jabatan agama.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Oh maknanya selain jabatan agama itu dia akan mengendalikan urusan dakwah?

**UI** : Ya sama, mereka guna yang sama di bahagian nikah kahwin pun orang yang sama, dakwah pun orang yang sama.

**IU** : Apakah halangan dan rintangan penubuhan pusat dakwah?

**IU** : Sekarang ini pejabat lama itu bercadang untuk dibaikpulih untuk dijadikan pusat dakwah dan oleh kerana kerosakkan yang teruk atas nilai JKR lebih kurang RM300 ribu maka dalam mesyuarat terbaru kita akan cuba mencari dana mungkin diluar ada ke tidak dan dana luar lah untuk penubuhan pusat dakwah.

**IU** : Tahun bilakah pusat dakwah dibubarkan?

**UI** : Tidak pernah dibubarkan. Sekarang ini kita beroperasi di pejabat baru lah. Kita cadang bila pejabat lama diubah suai maknanya segala aktiviti dakwah apa sahaja kaitan agama kita boleh buat disana lah.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Maknanya membuat peralihan pejabat la ya?

**UI** : Ya.

**IU** : Dalam anggaran berapa ramai orang tahu mengenai pusat dakwah?

**UI** : Kalau kita lebih kepada bahagian dakwah ini maknanya boleh dikatakan masyarakat tahu cuma kita dibawah jabatan agama ini dibahagian dakwah akan buat program – program dakwah ke luar dan dakwah ke dalam.

**IU** : Dimanakah pusat dakwah dipindahkan?

**UI** : Di pejabat baru lah sekarang ini di Pejabat Agama Islam di jalan Kolam Abu.

**MH** : Apakah antara program – program yang Majlis Agama pernah kendalikan untuk masyarakat setempat?

**UI** : Kita banyak buat program berdasarkan suku – suku iaitu suku pertama contohnya kefahaman agama, Islam sebagai Antim, membina generasi Al Quran, membina generasi solat dan sebagainya. Bagi kita suku daripada bulan contoh lah dari suku

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

pertama bulan Januari hingga Mac suku kedua hingga Jun, suku ketiga Jun hingga September, suku keempat Oktober hingga Disember. Maknanya setiap suku itu ada mengikut perayaan Islam, mengikut kalendar – kalendar Islam contohnya Maulidur Rasul, Maal Hijrah dan sebagainya dan juga kita akan buat berdasarkan daripada tahun itu berada di suku berapa.

**MH : Adakah program yang dikendalikan oleh pejabat agama Islam mendapat sambutan daripada masyarakat?**

**UI :** Alhamdulillah, dari segi sambutan itu Alhamdulillah lah, kita dapat sambutan dan kita tidak tumpu kepada satu satu masjid maknanya kita akan bertukar kepada contohnya kita buat di Masjid Bukit Tiu selepas itu bulan yang lain kita akan buat di Masjid Banggol Judah dan sebagainya lah. Maknannya kita akan tukar – tukar contohnya yang terbaru baru ini kita ada buat Maulidur Rasul di Masjid Banggol Judah dan Masjid Jaka.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Siapakah antara golongan yang datang ke majlis yang diadakan oleh pejabat agama Islam ini?

**UI** : Pelbagai lapisan masyarakat yang datang, ada golongan tua, ada golongan muda, ada kanak – kanak, dan wanita.

**IU** : Apakah pusat dakwah ini membangunkan bangunan baru?

**UI** : Bangunan baru setakat ini tidak ada lagi cumanya bahagian dakwah ini masih lagi dengan jabatan agama maknanya di bawah pejabat jajahan adanya pegawai dakwah jajahan dan pegawai jajahan itulah yang akan merangka atau merancang untuk program – program contohnya sama dengan suku - suku tahun tadi lah.

**IU** : Pernah ada sesiapa mempersoalkan tentang kewujudan pusat dakwah ini?

**UI** : Setakat ini tiada.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**IU : Apakah alasan yang diberikan kepada orang awam mengenai pusat dakwah yang dibubarkan?**

**UI : Sebagaimana yang telah dikatakan tadi lah kita tidak pernah bubar, cuma beralih.**

**IU : Pernahkah bangunan Pejabat Agama Islam Machang ini menghadapi masalah ketika musim banjir atau hujan lebat?**

**UI : Alhamdulillah lah, wujudnya pejabat baru ini kita tidak ada apa – apa masalah lah, ketika hujan pun setakat ini tiada kebocoran titisan ataupun ketika banjir pun kita...**

**Alhamdulillah lah sebab tempat kita ini tinggi. Machang ini kita berada di kawasan bukit.**

**IU : Apakah cara untuk membendung masalah seperti yang dinyatakan tadi?**

**UI : Mana – mana kalau *nak* [hendak] dirikan bangunan ataupun rumah, kita perlu *tengok* [melihat] tempat itu tenggelam banjir atau tidak.**

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Oh maknanya di bangunan lama sebelum beralih di bangunan baru masalah  
titisan sahaja atau bagaimana?

**UI** : Setakat ini banjir *takdop* [tiada] lah di dalam bandar Machang.

**IU** : Adakah bangunan pusat dakwah dibina menggunakan idea sendiri atau rekaan  
spesifik?

**UI** : Ada reka bentuk yang dibuat oleh pelukis plan lah yang dipertanggungjawabkan.

**IU** : Apakah tahap keselamatan yang diterapkan di Pejabat Agama Islam Machang  
ini?

**UI** : Tahap keselamatan itu macam mana?

**MH** : Contohnya memastikan maklumat atau rekod – rekod atau fail – fail yang ada nilai  
*privacy* [privasi] dia dijaga dengan baik?

**UI** : Sekarang ini wujudnya system e-Nikah, e-Dakwah, e-Kuriah dan macam – macam

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

sistem lah yang diwujudkan, maknanya Alhamdulillah lah boleh mengawal benda –  
benda ni.

**MH** : Adakah bangunan Pejabat Agama Islam Machang ini pernah diceroboh ?

**UI** : Sebelum saya datang sini pernah. Pernah ada yang hilang lah. Setakat masuk..*Tak*  
[tidak] tahu lah apa yang dicarinya.

**IU** : Di pejabat yang baru ini?

**UI** : Ya, di pejabat yang baru ini. Sebab kita dari segi kawalan keselamatan tiada  
pengawal keselamatan.

**IU** : Mengapakah bangunan Pusat Dakwah digunakan sebagai Jabatan Majlis Agama?

**UI** : Sebagaimana saya kata tadi, kita *kena* [perlu] bezakan di Kelantan ini adanya Majlis  
Agama Islam dan adat istiadat Negeri Kelantan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam  
Kelantan maknanya Jabatan Hal Ehwal Islam ditubuhkan selepas daripada Majlis



## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

Agama untuk membantu tugas – tugas di Majlis Agama dan Jabatan Agama Islam Kelantan ini lebih kepada contohnya nikah kahwin manakala Majlis Agama lebih kepada perlantikan Imam, kawalan masjid, zakat dan sebagainya. Maknanya kita lebih kepada urusan perkahwinan, urusan dakwah dan di bawah Jabatan Agama kita ada bahagian Halal cuma di jajahan setakat ini ada bahagian penguatkuasa, bahagian pencegah maksiat, bahagian dakwah selepas itu bahagian pengurusan dan bahagian pentadbiran dan kekeluargaan lah.

**IU : Apakah penerimaan bangunan Pejabat Agama Islam Machang ini kepada masyarakat?**

**UI : Rasanya setakat ini tiada sungutan lah daripada masyarakat tentang bangunan ini dan tidak jadi masalah sebab berdekatan dengan Pejabat Tanah dan Pejabat JKR.**

**IU : Siapakah yang memberi idea supaya menggunakan bangunan Pusat Dakwah?**

**UI : Setelah perpindahan pejabat lama ke pejabat baru bermakna dia akan berpindah di bawah Jabatan Agama apa yang ada di bawah Jabatan Agama sama ada bahagian dakwah, bahagian yang lain – lain pun akan sama berpindah.**

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**IU : Apakah Jabatan Agama Islam Machang ini membayar bagi mengambil alih bangunan pusat dakwah?**

**UI : Tiada bayaran. Ini adalah organisasi yang sama.**

**IU : Dimanakah Pusat Dakwah dipindahkan?**

**UI : Untuk yang baru ini dalam bangunan Jabatan Agama juga lah dalam bangunan yang sama.**

**IU : Pada tahun bilakah Pusat Dakwah dipindahkan?**

**UI : *Dua ribu sepuluh* [2010].**

**IU : Adakah bangunan Pusat Dakwah berada pada lokasi yang sesuai?**

**UI : Sesuai lah sebab kita berada di bawah satu bumbung maknanya segala aktiviti dakwah dipantau oleh Pegawai Agama Jajahan.**

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**IU** : Adakah bangunan Pusat Dakwah ini berada pada lokasi di Kawasan bandar?

**UI** : Ya, pada Kawasan bandar.

**IU** : Mengapa pihak pengurusan memilih lokasi tersebut?

**UI** : Memudahkan dari segi urusan. Biasanya kita tidak akan berada jauh dengan Pejabat Tanah dan Pejabat Jajahan.

**MH** : Alasan dia Ustaz?

**UI** : Maksudnya yang ada urusan di Pejabat Tanah, dia boleh datang dan berurusan dengan Pejabat Agama.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**IU : Adakah Pusat Dakwah beroperasi dengan baik di lokasi baru ini?**

UI : Ya, tiada masalah lah, beroperasi dengan lancar.

**IU : Boleh saya tahu Ustaz, mengapakah bangunan lama Pejabat Agama Islam di tengah bandar Machang dipindahkan ke lokasi yang baru iaitu bersebelahan dengan bangunan Pejabat Tanah Machang?**

UI : Kawasan yang strategic. Bagaimana yang saya katakan tadi lah *selalunya* [kebiasaannya] dia tidak akan berjauhan dengan Pejabat Tanah dan Jajahan.

**IU : Mengapakah bangunan yang lama tidak digunakan lagi?**

UI : Bangunan kerajaan ini bila dibuat bangunan baru biasanya bangunan lama akan ditinggalkan dan itulah satu kesilapan oleh pihak Pejabat Agama dan bila kita tinggal itu tanpa kita memperdulikan terus pejabat lama jadi bila lama ditinggalkan ia banyak berlaku kerosakkan dan bila dah banyak rosak, *nak* [hendak] baiki itu memerlukan kos yang tinggi dari segi kerajaan maknanya tidak praktikal lah *nak* [hendak] baiki pejabat lama. Setakat ini adalah unsur – unsur yang dijalankan untuk mengembalikan operasi pejabat lama itu.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

IU : Bolehkah Tuan menceritakan sedikit tentang perjalanan Pusat Dakwah sejak

ianya dibangunkan sehingga dimansuhkan dan dibubarkan?

UI : Perjalanan Pusat Dakwah ini tidak ada masalah cumanya kita sekarang ini lebih

memberi tumpuan kepada Pejabat Agama baru lah. Segala aktiviti dibuat di pejabat

baru cumanya satu kerugian kepada kita lah sebab kita ada pejabat lama yang

sepatunya kita jaga tapi kita terlepas pandang dan akhir sekali bangunan yang lama

rosak.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

### BAHAGIAN 3 : (SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN)

**MH** : Okay kita akan teruskan kepada bahagian sumbangan dan pencapaian. Apakah pencapaian tertinggi yang pernah Pusat Dakwah peroleh sepanjang dijalankan maksud saya setelah diperbetulkan Ustaz tadi apakah pencapaian tertinggi yang pernah dicapai oleh Pejabat Agama Islam Machang menerusi program dakwah yang dijalankan?

**UI** : Rasanya setakat ini tiada pencapaian tertinggi lah, kita biasa – biasa sahaja dari segi kita buat sebab pertamanya kerana kita lebih kepada kegiatan dakwah ini kepada Muslim. Maksudnya kepada Non-Muslim itu adalah individu dan bukan dari pejabat lah. Sebagaimana boleh tengok di Pejabat – Pejabat Agama contohnya yang ada orang asli makna kita akan buat aktiviti dakwah ke kawasan orang asli. Jadi kita yang Kawasan tiada orang asli ini setakat ini tiada lah apa yang kita buat. Kita hanya dalam lingkungan masyarakat Muslim.

## **PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG**

---

**MH** : Adakah Tuan berpuas hati dengan segala aktiviti yang dijalankan oleh Pejabat

**Agama Islam Machang?**

**UI** : Setakat ini berpuas hati lah tetapi kalau boleh kalau ada sumbangan daripada agensi

luar untuk kita mengembangkan kegiatan dakwah itu dialu – alukan lah.

**MH** : Pernahkah Tuan ditawarkan untuk memberi taklimat atau berkongsi resepi

kejayaan Tuan kepada mereka – mereka atau organisasi – organisasi diluar

sana?

**UI** : Setakat ini tiada. Cuma kita atas tiket individu lah diminta untuk membuat ceramah

begitu lah.

**MH** : Jadi sebelum ini Tuan ada pernah ceramah di mana?

**UI** : Ceramah ini, biasanya di masjid – masjid lah, luar daripada jajahan Machang.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Jika ditawarkan, adakah Tuan berminat dan nyatakan sebab – sebab kenapa Tuan berminat?

**UI** : Yelah, ilmu ini kita perlu kongsi terutamanya kongsi maklumat, berkongsi idea kepada orang – orang yang *nak* [hendak] berkecimpung selepas itu kejayaan – kejayaan kita, bagaimana kita hendak *settle* [selesaikan] sesuatu masalah itu sebab itu kita kongsi.



## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

### BAHAGIAN 4 (PESANAN DAN HARAPAN)

**MH** : Apakah harapan Tuan terhadap Pejabat Agama Islam Machang?

**UI** : Harapannya agar Pejabat Agama Islam Machang ini kalau boleh dikembangkan bahagian – bahagian contohnya diwujudkan di Bahagian Halal di jajahan sebagaimana sama dengan ibu pejabat maknanya kita boleh dari segi makanan halal. Sekarang ini orang sibuk tentang makanan halal dan sebagainya maknanya bila ada penubuhan halal di jajahan akan memudahkan untuk kita membuat pemantauan dan sebagainya.

**MH** : Adakah Tuan berharap orang akan lebih mengetahui atau ambil tahu mengenai kewujudan Pejabat Agama Islam Machang ini?

**UI** : Sekarang ini, kita melalui imam – imam yang dilantik sebagai pendaftar dan penolong pendaftar nikah cerai maknanya di setiap permasalahan contohnya masalah dari segi rumah tangga kita minta kepada imam imam mukim supaya war – warkan kepada anak mukim segala urusan berkaitan dengan nikah kahwin, cerai dan sebagainya dan dirujuk kepada Pegawai Jabatan Agama. Dan saya sendiri pun telah ambil satu inisiatif maknanya kita telah turun ke jajahan, ke mukim – mukim di bawah jajahan Machang untuk memberi taklimat kepada orang awam terutamanya hal – hal berkaitan

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

dengan nikah kahwin, dan sekarang ini kita rujuknya e-Kuriah kita lebih untuk memberi penerangan kepada masyarakat setempat tentang bagaimana *nak* [hendak] mengisi borang dalam borang online nikah. Kalau dulu *nak* [hendak] isi nikah perlu ambil rumah imam, sekarang ini hanya buka laptop ataupun buka dengan iPad dan sebagainya isi dalam itu dan selepas itu setelah dikemas kini, imam mukim akan mengesahkan dalam mukim ataupun ia akan membawa itu tadi ke mana tempat dia akan kahwin.

**MH** : Adakah Tuan berharap Pusat Dakwah ditubuhkan semula demi kebaikan sejagat?

**UI** : Memang berharap lah supaya pejabat lama itu kita boleh gunakan sebagai Pusat Dakwah bagi mana – mana individu ataupun agensi dan NGO yang boleh memberi sumbangan amatlah dialukan lah untuk kita wujudkan Pusat Dakwah setempat. Apabila wujudnya setempat, segala aktiviti ataupun hal – hal keagamaan itupun ditempatkan ke satu tempat.

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

**MH** : Apakah bentuk sumbangan yang Tuan inginkan jika diberi pilihan?

**UI** : Sama ada bentuk kewangan untuk memperbaiki pejabat lama lah maknanya dari segi *material* [bahan-bahan] , dari segi kewangan amatlah dialu – alukan.

**MH** : Adakah Tuan mempunyai sebarang pesanan untuk orang diluar sana terhadap **Pusat Dakwah?**

**UI** : Harapnya mereka yang berkemampuan ataupun yang mempunyai kewangan yang lebih dan sebagainya kalau boleh membantu untuk sama – sama kita merialisasikan Pusat Dakwah dengan mewujudkan dan memperbaiki balik pejabat lama dan dijadikan Pusat Dakwah untuk kita buat apa – apa aktiviti keagamaan bertempat tidak kira lah sama ada jabatan – jabatan dan selain daripada jabatan agama contohnya universiti sendiri UiTM ataupun pejabat – pejabat bagaimana *nak* [hendak] buat kursus untuk staf dan kita akan tempatkan di Pusat Dakwah. Maknanya akan sama – sama kita menjayakannya.

# **RUJUKAN**

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

Jalaluddin, I. (2018, October 23). The introduction of interviewee through phone [Telephone interview].

Jalaluddin, I. (2018, October 31). Interview at Pejabat Agama Islam, Machang Kelantan. [Interview].

**PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG**

---

# **LAMPIRAN**

# PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

## LAMPIRAN 1: LOG WAWANCARA

### LOG WAWANCARA

Mejar Ibrisam bin Jalaluddin lebih mesra dikenali oleh rakan-rakan beliau serta masyarakat dengan panggilan Ustaz Ibrisam. Beliau dilahirkan di Kampung Kaabah, Machang Kelantan pada bulan Januari 1969. Beliau merupakan anak ketiga [3] daripada empat belas [14] adik-beradik. Beliau berstatus sudah berkahwin dan telah mempunyai enam [6] orang cahaya mata iaitu tiga [3] anak perempuan dan tiga [3] anak lelaki hasil daripada perkahwinan bersama isteri beliau iaitu Rogayah Binti Mamat.

#### Bahagian 1: Latar Belakang

NO	MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT / RUJUKAN
1.	2.10 p.m	Dilahirkan di Kampung Kaabah, Machang Kelantan pada bulan Januari 1969.	Mejar Ibrisam bin Jalaluddin
2.	2.12 p.m	Ayah beliau bernama Jalaluddin bin Abu Bakar	Bapa kepada Mejar Ibrisam atau lebih dikenali sebagai Ustaz Ibrisam iaitu Pegawai Pejabat Agama Machang

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

3.	2.15 p.m	Dibesarkan di Kluang, Kem Majidid, Kluang Johor.	Ustaz Ibrisam dibesarkan di kem tentera di Kluang Johor sehingga darjah 1 kerana bapa beliau seorang anggota tentera.
4.	2.18 p.m	Anak ke tiga [3] daripada empat belas [14] orang adik-beradik.	Mejar Ibrisam bin Jalaluddin
5.	2.20 p.m	Mempunyai enam [6] orang anak, dua [2] orang menuntut di university, dua [2] orang belajar di sekolah menengah dan dua [2] masih dibangku sekolah rendah.	Mejar Ibrisam bin Jalaluddin



## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

### Bahagian 2: Pendidikan

No	MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT / RUJUKAN
6.	3.25 p.m	Melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia	Universiti Kebangsaan Malaysia Mejar Ibrisam bin Jalaluddin
7.	3.30 p.m	Beliau pernah menjadi Pendakwah di Pusat Dakwah.	Mejar Ibrisam bin Jalaluddin
8.	3.32 p.m	Beliau Pernah menjadi seorang anggota tentera	Mejar Ibrisam bin Jalaluddin

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

### Bahagian 3: Bangunan

No.	MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT / RUJUKAN
9.	4.15 p.m	Pusat Dakwah adalah organisasi awal Pejabat Agama Islam Machang	Pejabat Agama Islam Machang  Mejar Ibrisam bin Jalaluddin
10.	4.30 p.m	Pusat Dakwah tidak pernah dibubarkan atau dimansuhkan, ianya dinaiktaraf menjadi Pejabat Agama Islam Machang dan berpindah ke bangunan baru di sebelah Pejabat Tanah Machang.	Pejabat Agama Islam Machang  Mejar Ibrisam bin Jalaluddin

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

### LAMPIRAN 2: DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
11.15 pg	12/09/2018	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tugas menemuramah tokoh</li><li>• Menerima tugas untuk menemuramah seorang tokoh yang mempunyai banyak pengalaman tentang bangunan lama di Machang.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mula mencari tokoh untuk ditemuramah</li></ul>
1.00 ptg	20/09/2018	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perbincangan bersama ahli kumpulan</li><li>• Berbincang mencari tokoh yang sesuai untuk ditemuramah</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memilih Pegawai Pejabat Agama Islam di Pejabat Agama Islam Machang iaitu Ustaz Mejar Ibrisam Bin jalaluddin.</li></ul>
2.00 ptg	27/09/2018	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menghubungi tokoh kali pertama</li><li>• Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk memohon persetujuan tokoh untuk menemuramah.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Proses mendapat maklumat mengenai latar belakang Tokoh</li></ul>

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

11.00 pg	4/10/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pergi ke kampung tokoh untuk mencari tempat tinggal tokoh.</li> <li>• Menghantar laporan kepada pensyarah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh bersetuju untuk di temuramah pada 31 October 2018 pada pukul 2.00 petang di Pejabat Agama Islam Machang</li> </ul>
2.30 ptg	18/10/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berjumpa dengan pensyarah Pn. NuruAnnissa Binti Abdullah</li> <li>• Mendapat khidmat nasihat daripada pensyarah dan meminta garis panduan bagi persediaan untuk menemuramah Tokoh.</li> <li>• Pensyarah memberi cenderamata kepada kami untuk diberikan kepada Tokoh.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memulakan sesi temubual bersama tokoh pada jam 02.00 petang dan berakhir pada pukul 04.34 minit petang</li> </ul>
25/10/2018	3.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pergi ke rumah tokoh untuk memberikan soalan yang akan di tanyakan kepada nya nanti</li> </ul>	

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

		di temuduga.	
15/11/2018	2.30 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjumpaan ketiga tokoh untuk ditemuramah</li> <li>Temuramah dijalankan di kediaman selama 1 jam 10 minit.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memulakan sesi temuramah bersama tokoh pada jam 02.00 minit petang dan berakhir pada 04.34 minit petang</li> </ul>
18/11/2018	2.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjumpaan ahli kumpulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mula mengagihkan tugas dan bahagian rakaman yang telah dibuat</li> </ul>
08.00 malam	20/11/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjumpaan bersama ahli kumpulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mula membuat transkrip</li> </ul>
12.00 tengah hari	24/11.2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjumpaan untuk draft yang pertama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghantar draft pertama untuk disemak</li> </ul>
4.00 petang	26/11/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berjumpa dengan pensyarah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat pembetulan untuk draft yang pertama</li> </ul>
08.30 malam	28/11/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjumpaan bersama ahli kumpulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyiapkan transkrip akhir</li> </ul>

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

			sebelum diserahkan kepada pensyarah
2.00 petang	08/12/2018	<ul style="list-style-type: none"><li>• Berjumpa dengan Nik Nurin</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menyerahkan transkrip akhir kepada Nik Nurin untuk proses penyelidikan transkrip.</li></ul>
11.00 pagi	14/12/2018	<ul style="list-style-type: none"><li>• Berjumpa dengan pensyarah</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menghantar tugas akhir kepada pensyarah untuk tujuan permarkahan.</li></ul>

# PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

## LAMPIRAN 3: SENARAI SOALAN

### SKRIPT PEMBUKAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang Pejabat Agama Islam Machang (Pusat Dakwah).

Bersama-sama kami ialah Ustaz Mejar Mohd Ibrisam Bin jalaluddin yang merupakan seorang pegawai di Pejabat Agama Islam Machang.

Rakaman ini dijalankan pada tarikh 31 October 2018 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 2 petang bertempat di Pejabat Agama Islam Machang.

Temubual selama 2 jam ini dikendalikan oleh Muhamad Hakim Bin Ahmad Dzarawi dan juga Mohamad Iqmal Ussaiq bin Ismail. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

# PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

## Seksyen A: Latar Belakang

1. Boleh saya tahu nama penuh Tuan?
2. Tuan ada nama gelaran ke?
3. Pada bulan dan tahun berapa Tuan dilahirkan?
4. Tuan dilahirkan dimana?
5. Dimanakah Tuan dibesarkan?
6. Siapa nama ibu Tuan?
7. Siapa nama ayah Tuan?
8. Tuan anak keberapa daripada berapa orang adik beradik?
9. Adakah isteri Tuan bekerja?
10. Memegang jawatan sebagai apa?
11. Tuan ada berapa orang anak?
12. Semua masih belajar ke?
13. Anak yang sulung berumur berapa tahun?
14. Apa harapan Tuan kepada anak-anak puan untuk masa akan datang?

## Seksyen B: Sejarah Pendidikan

15. Tuan bersekolah rendah dimana?
16. Pada tahun berapa sampai berapa?
17. Tuan bersekolah menengah dimana?
18. Habis persekolahan menengah pada tahun berapa?
19. Tuan pernah memegang apa2 jawatan ketika sekolah dahulu? (rendah/menengah)



## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

20. Apa pencapaian tertinggi yang pernah Tuan dapat masa sekolah?
21. Tuan aktif dalam bidang kokurikulum? (Kawad dan lain-lain)
22. Setelah Tuan abis persekolahan, adakah Tuan menyambung pengajian?
23. Dimana Tuan menyambung pengajian?
24. Boleh saya tahu apakah jurusan yang Tuan pilih?
25. Pada tahun berapa Tuan tamat pengajian?
26. Apa kenangan yang paling manis ketika Tuan masih belajar?

### **Seksyen C: Maklumat bangunan**

27. Apakah nama sebenar bangunan Majlis Agama Islam?
28. Bilakah bangunan ini ditubuhkan?
29. Siapakah pengasas pertama bangunan ini?
30. Siapakah yang memberi idea untuk penubuhan bangunan ini?
31. Bagaimana datangnya idea untuk menubuhkan bangunan ini?
32. Siapakah yang merasmikan bangunan ini?
33. Pada tahun bilakah bangunan ini dirasmikan?
34. Siapakah VIP yang menghadiri Majlis perasmian bangunan ini?
35. Apakah objektif penubuhan bangunan ini?
36. Apakah misi dan visi untuk dicapai?
37. Apakah konsep bangunan ini?
38. Kawasan apakah bangunan ini ditubuhkan?
39. Kenapa memilih kawasan tersebut bagi penubuhan bangunan ini?

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

40. Adakah pihak pengurusan mendapat bantuan kewangan dalam proses pembangunan bangunan ini?
41. Siapakah yang menghulurkan bantuan kewangan?
42. Berapakah umur bangunan ini?
43. Adakah bangunan ini pernah diubahsuai?
44. Berapa kalikah bangunan ini diubahsuai?
45. Pada tahun bilakah bangunan ni diubahsuai?
46. Apakah alasan diatas pengubahsuaian bangunan ini?
47. Berapa tingkat bangunan ini dibina?
48. Berapakah keluasan bangunan ini?
49. Berapakah bilangan bilik di bangunan ini?
50. Berapakah kos pembinaan bangunan ini?
51. Apakah keistimewaan bangunan ini?
52. Adakah terdapat sejarah disebalik penubuhan bangunan ini?
53. Apakah idea awal penubuhan bangunan ini?
54. Adakah pusat dakwah sudah beroperasi atau tidak?
55. Berapa lamakah pusat dakwah beroperasi?
56. Siapakah yang merajui pusat dakwah?
57. Adakah Tuan pernah berkhidmat di Pusat Dakwah?
58. Apakah jawatan Tuan semasa berkhidmat di Pusat Dakwah?
59. Berapa orangkah kakitangan yang bertugas di pusat dakwah?
60. Apakah halangan dan rintangan penubuhan pusat dakwah?
61. Tahun bilakah pusat dakwah dibubarkan?

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

62. Apakah sebab pusat dakwah dibubarkan?
63. Dalam anggaran berapa ramai/banyak orang awam yang tahu mengenai pusat dakwah?
64. Dimanakah pusat dakwah dipindahkan?
65. Apakah pusat dakwah membangunkan bangunan baru?
66. Pernah ada sesiapa mempersoalkan tentang kewujudan pusat dakwah?
67. Apakah alasan yang diberikan kepada orang awam mengenai pusat dakwah yang dibubarkan?
68. Pernahkan bangunan ni menghadapi masalah ketika musim banjir atau hujan lebat?
69. Apakah cara untuk membendung masalah seperti yang dinyatakan tadi?
70. Bagaimanakah bangunan ini direka bentuk?
71. Adakah bangunan pusat dakwah dibina menggunakan idea sendiri atau rekaan spesifik?
72. Apakah tahap keselamatan yang diterapkan?
73. Pernahkah bangunan ini dipecah masuk oleh orang yang tidak bertanggungjawab?
74. Mengapakah bangunan pusat dakwah digunakan sebagai jabatan Majlis agama?
75. Apakah penerimaan bangunan ini kepada masyarakat?
76. Siapakah yang memberi idea supaya menggunakan bangunan pusat dakwah?
77. Apakah Jabatan Agama Islam membayar bagi mengambil alih bangunan pusat dakwah?
78. Berapakah kos yang dikenakan?
79. Dimanakah Pusat dakwah dipindahkan?
80. Pada tahun bilakah pusat dakwah dipindahkan?
81. Adakah bangunan pusat dakwah berada pada lokasi yang sesuai?
82. Adakah bangunan pusat dakwah berada dikawasan bandar?
83. Mengapa memilih lokasi tersebut?

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

84. Apakah pusat dakwah beroperasi dengan baik dilokasi baru?
85. Boleh saya tahu, mengapakah bangunan lama Pejabat Agama Islam di tengah bandar Machang dipindahkan ke lokasi yang baru iaitu bersebelahan dengan bangunan Pejabat Tanah Machang?
86. Mengapakah bangunan lama tidak digunakan lagi?
87. Bolehkah Tuan menceritakan serba-sedikit tentang perjalanan pusat dakwah sejak ianya dibangunkan sehingga dimansuhkan/dibubarkan?

### **Seksyen D: Sumbangan dan Pencapaian**

88. Apakah pencapaian tertinggi yang pernah Pusat Dakwah peroleh sepanjang dijalankan dibawah pengurusan/seliaan Tuan?
89. Adakah Tuan berpuas hati dengan pencapaian yang Pusat Dakwah kecapai kini?
90. Pernahkah Tuan Haji ditawarkan untuk memberi taklimat atau berkongsi resepi kejayaan Tuan Haji kepada mereka di luar sana?
91. Jika ditawarkan, adakah Tuan Haji berminat? Kenapa?

### **Seksyen E: Pesanan dan Harapan**

92. Apakah harapan Tuan terhadap Pusat Dakwah ini?
93. Adakah Tuan berharap orang akan lebih mengetahui / ambil tahu tentang kewujudan Pusat Dakwah?
94. Adakah Tuan Berharap Pusat Dakwah dapat ditubuhkan semula demi kebaikan sejagat?

## **PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG**

---

95. Adakah Tuan mempunyai sebarang pesanan untuk orang di luar sana terhadap Pusat Dakwah?

### **SKRIPT PENUTUP**

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bangunan bersejarah bersama Ustaz Ibrisam.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini.

Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

## LAMPIRAN 4: SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Keintari

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan: ..... Pada: .....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang bersize di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan bertanggungjawab apa-apa tindakan yang ditakutkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA tidak membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlulah tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik, sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat dengan syarat:-  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam perbitan, tesis dll sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari .....  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

#####  
#####  
Pengkisah (Tokoh)

#####  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti  
Sains Perhubungan dan Pengajian Paksi  
3 Fakulti Undang-Undang  
UTM Coeangge Kebantan  
Kampus Machang

## PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

### LAMPIRAN 5: GAMBAR



# PEJABAT AGAMA ISLAM MACHANG

---

## INDEKS

### A

Al-fadhil 34

### D

Dakwah 183

Diagihkan 80

Dibawah naungan 34, 216, 230

### K

Kodi 20

Kerajaan Negeri 40, 68

Kerajaan Pusat 33, 90, 138

Kerajaan Persekutuan 190

### M

Mesyuarat 24, 71, 73

### R

Rentetan 151, 152, 153, 146, 154

### T

Termaktub 47, 49, 51, 86,91

Termeterai 12

### Z

Zakat 52, 54, 90